

LOCAL AGENDA 21 (LA 21) Majlis Perbandaran Nilai Tahun 2009



BANGGA...
(dari kiri)
Adam,
Ikhwan
dan Yoges
bersama
hadiah
mereka.

'Saya tak sangka menang kali kedua'

NILAI: Penyertaannya buat kali kedua dalam Pertandingan Pidato Local Agenda 21 anjuran Majlis Perbandaran Nilai (MPN), baru-baru ini nyata tidak sia-sia apabila berjaya mempertahankan kejuaraan sekali gus membawa pulang wang tunai RM700.

Mohd Ikhwan Rosseli, 22, dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berjaya mempertahankan kejuaraan itu selepas menewaskan 29 peserta yang mewakili institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dari seluruh negara. "Saya tidak menyangka berjaya memenangi pertandingan ini sekali lagi kerana saingan lebih mencabar ber-

banding tahun lalu, namun saya bersyukur kerana usaha yang dilakukan membuahkan hasil memuaskan," katanya sebaik berakhir pertandingan itu yang berlangsung di Dewan Majlis Perbandaran Nilai (MPN), dekat sini.

Pertandingan anjuran MPN itu dengan tajuk bertemakan alam sekitar bertujuan untuk berkongsi maklumat dengan masyarakat mengenai kepentingan menjaga dan memulihara alam sekitar.

Tempat kedua dimenangi V Yoges dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan ketiga, Mohd Adam Salam dari Universiti

Malaysia Pahang (UMP) yang masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM500 dan RM300.

Menurut beliau, dia membuat persiapan selama dua minggu bagi mengumpul bahan dan menjalani latihan agresif untuk membolehkan persembahannya menambat hati hakim.

Majlis perasmian dan penyampaian hadiah disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Hal Ehwal Pengguna dan Kemudahan Awam negeri, Datuk Hasim Rusdi.

Hadir sama Yang Dipertua MPN, Datuk Abd Halim Abd Latif.